



Petani Kampung Padang Kulim, Kuala Ketil menunjukkan **hasil tanaman padi mereka yang musnah** akibat ditenggelami air sejak sebulan yang lalu.

[FOTO NOR FARHANI CHE AD/BH]

**“Musim ini paling teruk kerana kami sudah dua kali menanam padi. Sepatutnya, padi boleh dituai bulan depan tetapi kini kami perlu menunggu masa bersesuaian untuk menanam semula”**

**Yahaya Khamis,**  
Pesawah

# Sawah ditenggelami air

» 20 pesawah terjejas padi musnah berikutan bah

Oleh Nor Farhani Che Ad  
bhnews@bh.com.my

## ► Sungai Petani

**K**ira-kira 20 pesawah di Kampung Padang Kulim, Kuala Ketil dekat sini, terjejas apabila padi diusahakan musnah dua kali

dalam tempoh sebulan berikutan banjir sejak akhir Oktober lalu.

Ketika ini, sawah seluas 30 hektar itu masih ditenggelami susulan masalah perparitan yang didakwa tidak diselenggara dengan baik, selain faktor hujan lebat berpanjangan.

Petani, Che Daud Jusoh, 53, mendakwa kerugian kira-kira RM15,000 selepas sawah seluas sembilan hektar miliknya ditenggelami.

“Saya menanam buat kali pertama pada akhir Oktober lalu tetapi semuanya musnah pada awal November akibat dilanda banjir.

“Selepas keadaan pulih dan sawah mulai kering, saya menanam sekali lagi sebelum banjir melanda buat kali kedua akhir bulan lalu.

## Sungai Temak melimpah ke sawah

“Hujan berpanjangan sejak akhir Oktober lalu menyebabkan Sungai Temak melimpah dan menenggelami sawah petani di sini,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, masalah sama turut dialami pesawah di Guar Chempedak dan Sungai Bemban di Yan.

Yahaya Khamis, 52, yang ber-

gantung sepenuhnya terhadap hasil menanam padi, kecewa kerana terus menanggung kerugian walaupun mendakwa masalah itu sudah dilaporkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Bagaimanapun, katanya, belum ada tindakan drastik diambil setakat ini bagi menanganai masalah dihadapi.

“Musim ini paling teruk kerana kami sudah dua kali menanam padi.

“Sepatutnya, padi boleh dituai bulan depan tetapi kini kami perlu menunggu masa bersesuaian untuk menanam semula,” katanya.